

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI
FATWA BERHUBUNG PEMBENAAN MASJID BARU KG MEDAN, KUALA LANGAT**

1. **TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(Fatwa) telah menerima pertanyaan daripada Jawatankuasa Masjid berkenaan yang bertanyakan berhubung dengan pembenaan masjid baru kampung tersebut.

Permasalahan yang ditimbulkan adalah seperti berikut :

1. Ahli Jawatankuasa Masjid bersetuju pembenaan Masjid baru di tapak yang sedia ada luasnya 1 ekar lebih,
alasanya : Tapak masjid yang sedia ada wakaf khas dan wakaf orang ramai yang wajib dijaga dan dipelihara kehormatannya dan kesuciannya. Orang ramai pula bersetuju pembenaan masjid baru itu ditapak yang baru (tanah diberi oleh Kerajaan seluas 5 ekar) jaraknya 15 rantai, dengan alasan : kepentingan ummah dari jangka masa panjang iaitu pertambahan penduduk tempatan kerana adanya projek perumahan di kawasan berhampiran dan dapat mengatur berbagai-bagai kemudahan seperti halaman letak kereta, bangsal memasak dan lain-lain.
2. Melihat dari masalah di atas untuk jangka masa panjang dengan dibena masjid di tempat yang baru (tanah kerajaan seluas 5 ekar) soal lain pula timbul iaitu :
 - a) Bolehkah dirobohkan masjid yang sedia ada supaya tidak timbul perpecahan dan dua sembahyang Jumaat dalam satu qariah.
 - b) Bagaimana menjaga kehormatan, kesucian masjid yang sedia ada dan tapak wakaf khas masjid dan siapa pula yang memikul tanggungjawab ini selama-lamanya.
 - c) Adakah tawakuf (terhenti) pahala amal jariah si pewakaf jika tidak digunakan lagi.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk memberikan fatwanya mengenai perkara ini.

2. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan dengan teliti dan mengambil kira beberapa aspek tertentu dan hasil perbincangan tersebut, Ahli Jawatankuasa telah mengambil keputusan seperti berikut :

1. "Masjid baru yang dicadang hendak dibena itu hendaklah didirikan di atas tapak yang baru (tanah 5 ekar) yang diberi oleh Kerajaan. Ini memandangkan kerana kemasalahatan ummah di masa akan datang.
2.
 - a) Masjid yang lama tidak perlu dirobohkan, Jabatan Agama Islam Selangor akan mengarahkan supaya tidak dibenarkan mendirikan sembahyang Jumaat di Masjid lama.
 - b) Kehormatan dan kesucian masjid lama itu hendaklah terus dipelihara sebagai sebuah masjid. Dan ahli Jawatankuasa yang baru hendaklah bertanggungjawab diatas keselamatan dan kehormatan masjid yang lama itu. "
 - c) Untuk meneruskan pahala amal jariah orang dahulu, maka dibenarkan di masjid lama itu untuk mendirikan sembahyang waktu sahaja.

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 18 Oktober 1986.